

[< Go back to Article Page](#)[Print Article](#)

Buku panduan lengkap elok diterbitkan

BERITA HARIAN, 11 July 2003, Page 28

# Buku panduan lengkap elok diterbitkan

## SENI SILAT

# SERAMBI WARISAN

### Sumbangan Taman Warisan Melayu

OLEH

ARIF ZAHARI

**K**EONARAN kerap juga berlaku di majlis-majlis pencak silat seperti ini apabila ada pesilat-pesilat muda yang ingin mencuba atau sengaja hendak mencuba kebolehan pesilat-pesilat yang baru lulus.

Kadangkala ada juga yang berpunca daripada pesilat-pesilat yang baru khatam itu sendiri. Mereka bangun membuka langkah seperti lazimnya dan mengakhirkannya ke arah yang dituju, lalu membuat sembah tuding. Pada hal kebiasaannya, jika hendak membuat jemputan sembah akhirnya dibuat sebagai sembah undang.

Apabila sembah tuding dibuat, maka guru-guru yang hadir akan berjaga-jaga terutamanya ketua gelanggang, guru yang telah diberi penghormatan membuka gelanggang di awal majlis.

Oleh itu walau jarang berlaku pergaduhan besar dalam majlis tetapi tercemar jugalah jadinya. Banyak juga hal-hal remeh lain yang dapat merangsang terjadinya kecemaran, seperti bermain kasar, kurang kesabaran dan sifat dendam dan yang sebagainya.

Lebih kurang 4 petang, majlis yang telah dimulakan pada 10 pagi itu pun berakhir dengan bacaan doa oleh seorang yang telah ditugaskan. Ini diikuti dengan ucapan terima kasih daripada tuan rumah. Kemudian ketua gelanggang yang bertugas pun membuka langkah penutup gelanggang dan tamatlah majlis perayaan khataman pencak silat hari itu.

Jika ketua gelanggang telah lebih awal berpamitan, maka tuan rumah yang menerima pamit akan menutup gelanggang. Majlis diakhiri dengan bergambar ramai buat kenang-kenangan.

Mengadakan pertunjukan pencak silat bukanlah sesuatu yang baru di kalangan masyarakat rumpun Melayu. Kegiatan ini dijalankan dari semasa ke semasa dalam majlis-majlis dan perayaan khas persilatan seperti dalam upacara khataman, majlis kahwin, majlis khatan, majlis ulang tahun dan lain-lain.

Pada zaman itu, belum ada lagi acara pertandingan pencak silat yang dipertandingkan seperti hari ini. Belum ada juga upacara pe-

nyampaian ijazah, penyampaian bengkung atau selepang sandang kebesaran dan yang lain-lain. Yang ada masa itu ialah guru silat dan tempat belajar silat bagi jangka waktu tertentu dan setelah itu tiada lagi hubungan antara perguruan dan pesilat kecuali ketika diadakan perayaan persilatan.

Sesuai dengan zamannya, tiada buku-buku panduan pencak silat yang dibuat untuk pesilat ketika itu kerana ditakuti terbocor rahsia perguruan. Jika ada sekalipun, mungkin panduan ini hanya disimpan oleh para guru saja.

Sekarang ini buku panduan telah disediakan oleh banyak perguruan bagi kegunaan pesilat mereka. Namun, rasanya usaha ini belum lagi mencukupi.

Mungkin lebih elok lagi jika setiap perguruan dapat menerbitkan buku-buku lengkap mengenai persilatan mereka bagi makluman dan kegunaan ramai.

Seharusnya janganlah berahsia-rahsia sangat dan kkuatir kebocoran maklumat kerana seni mempertahankan diri lain telah lama menerbitkan buku-buku mereka. Hanya dengan cara itu, pencak silat warisan Melayu akan lebih dikenali dan dapat menarik perhatian masyarakat umum.



**Walaupun diterakan gerak langkah sesuatu jenis pencak silat kepada umum, tiada apa yang perlu diragukan. Seni mempertahankan diri tidak boleh dipelajari hanya dengan dilihat atau dibaca daripada buku seperti mata pelajaran di sekolah.**

**Ia perlu dilakukan berterusan kerana seni mempertahankan diri itu adalah ilmu amali gerak cepat. Untuk mempelajarinya, seseorang itu perlu berguru, belum ada jagoan-jagoan dari kalangan luar secara individu tanpa berguru menjuarai pertandingan silat.**

**Semua jagoan kita yang bertaraf dunia hari ini datangnya daripada perguruan tempatan. Oleh itu, adanya buku-buku persilatan adalah untuk mendedahkan kepada umum tentang keistimewaan sesuatu jenis silat yang dinyatakan.**

**Inilah salah satu cara untuk memasyarakatkan seni pencak silat kepada umum. Buku-buku ini juga akan dapat melestarikan wujudnya sesuatu jenis silat daripada hilang ditelan zaman mungkin kerana ketiadaan pengikutnya.**

**Namun ingatlah, seperti yang dikatakan orang, ilmu itu mesti diamalkan dan amalan yang tidak berilmu tidak berguna.**

Oleh itu, carilah ilmu daripada guru-guru yang bertauliah. Janganlah hendaknya berguru kepada orang; bagai bunga kembang tak jadi.

Jika sudah berilmu pula janganlah hendaknya berlagak; bagaikan bujang julung berkeris, bagaikan dara julung bersubang. Contohilah jagoan-jagoan jagat kita hari ini, walau berpenca-paian, tetap merendah diri. Semoga semua jagoan kita seterusnya akan mengikuti jejak langkah mereka.

Mungkin kala ini pihak yang berwenang masih kesibukan mengatur kegiatannya masing-masing, tetapi pada suatu hari nanti semoga akan wujud buku-buku persilatan tempatan yang telah banyak mengukir nama di bidang persilatan sejagat.

Ini akan menjadi warisan dan kebanggaan anak cucu kita kemudian hari untuk mengetahui tentang seni pencak silat warisan leluhur mereka.

Tentulah dalam bahagian sejarahnya harus tercatat juga sedikit susur-galur sejarah persilatan dan riwayat hidup mereka yang telah berjasa dalam kumpulannya.

Pun tidak keterlaluan rasanya jika diberikan sekalungan bunga sebagai penghormatan kepada para pentadbir Persekutuan Silat Singapura (Persisi) kerana telah berjaya mengangkat taraf persila-


**tan setempat ke taraf dunia.**

**Satu sejarah dalam kegiatan budaya Melayu dan satu kesinambungan yang membanggakan daripada para pentadbir yang menubuhkannya pada satu zaman yang lalu.**

**Semoga kejayaan yang telah dicapai selama ini akan berterusan di bawah pentadbiran yang ada.**

---

**Nota: Penulis ialah guru pesara,  
pandai pelbagai kerja tangan dan  
kurator Muzium Melayu Mini Kelab  
Masyarakat Kampong Ubi.**



**Mahirkan diri:** Para pesilat yang sudah tamat pengajiannya akan menjalani upacara khatam di satu majlis yang diadakan oleh guru mereka.

**FOTO HIASAN**